

MERCU

G e n e r a s i k e G e n e r a s i

Jan - Jun
2013



www.ptptn.gov.my

Diskaun

20%

1 Okt 2012 -
30 Sep 2013

Pelancaran Pejabat
PTPTN Negeri

Simpanan Mega &
Perdana SSPN-i





info ptptn

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN mula beroperasi pada 1 November 1997 di Bangunan Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan, Damansara Heights, Kuala Lumpur.

FUNGSI PTPTN

Menguruskan pembiayaan untuk tujuan pendidikan tinggi dan seterusnya memungut bayaran balik pembiayaan;
Menyediakan skim simpanan dan mengurus deposit untuk tujuan pendidikan tinggi; dan
Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

VISI

Menjadi institusi peneraju dalam pengurusan pembiayaan pengajian tinggi menjelang tahun 2015.

MISI

Mengurus sumber kewangan bagi pembiayaan pendidikan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi.

OBJEKTIF

Memastikan pembiayaan yang efisien disediakan kepada pelajar-pelajar yang layak mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selaras dengan hasrat kerajaan bahawa tidak ada pelajar-pelajar yang gagal memasuki IPT atas sebab-sebab kewangan.

kandungan

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF DAN PENGARANG

Bicara Pengarang
Kata Aluan Ketua Eksekutif

1

BERITA

Simpanan Mega dan Perdana SSPN-i
Diskaun 20% dan 10%
Pelancaran Pejabat PTPTN Negeri
Lensa PTPTN

3

KHIDMAT KOMUNITI

Program Tanggungjawab Sosial Korporat

11

RENCANA

Kesedaran Penabungan Untuk Masa Depan Pendidikan

13

AKTIVITI

Kelab dan Persatuan PTPTN

14

MEDIA INTERAKTIF

PTPTN Bersama Media

15

INSPIRASI

Cerita Kopi dan Gula

16

bicara pengarang

MERCU buat julung kalinya menemui pembaca dengan info yang padat dengan berita semasa PTPTN. Tranformasi yang dilaksanakan selaras dengan saranan dan konsep '1Malaysia' – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat keizinan dan limpah kurniaNya, Mercu Edisi Pertama bagi tahun 2013 ini dapat diterbitkan mengikut perancangan.

Penerbitan Mercu adalah bermatlamat sebagai saluran hebahan bagi penganjuran program PTPTN serta medium penyampaian informasi kepada warga selain mewar-warkan kepada masyarakat.

Tagline 'Generasi ke Generasi' menampilkan Mercu selaras dengan hasrat PTPTN untuk berinteraksi dengan warga PTPTN khasnya dan masyarakat luar umumnya dengan lebih dekat lagi tanpa mengira peringkat umur.

Sidang Redaksi Mercu merakamkan setinggi penghargaan kepada peneraju pengurusan PTPTN yang menyokong penuh usaha penerbitan wadah ini. Tidak dilupakan, sekalung tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menzahirkan penerbitan Mercu.

Harapan saya agar penerbitan sulung ini akan terus lestari dan meletakkan PTPTN sebagai sebuah agensi yang unggul.

Salam hormat,

TEH HAMID



SIDANG REDAKSI MERCU PTPTN

Penasihat / Ketua Eksekutif

Encik Agos Cholan

Ketua Pengarang

Puan Teh binti Hamid

Penolong Ketua Pengarang

Cik Aizam binti Abdul Aziz @ Drahaman

Sidang Pengarang

Puan Rina binti Abd Rahman
Puan Nurshazwani binti Mohd Ameran
Encik Muhamad Haikal bin Asmawi
Puan Shahitul Norma binti Mohamed Sulong
Puan Suria Ruhaiza binti Mansor
Cik Diana binti Yusof
Cik Nor Azura binti Ismail
Cik Aisafari binti Suparman
Encik Zahirudin bin Zainol Abidin
Encik Mohd Komarul Arifin bin Mohd Ali

Urus Setia Penerbitan

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Mutalib

Jurugambar

Encik Muhamad Zuwairi bin Kamarulzaman

Edaran

Encik Mohd Ridzuan bin Awang @ Shapiea

Diterbitkan Oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Heights
50490 KUALA LUMPUR

kata aluan ketua eksekutif

Salam hormat dan salam satu Malaysia kepada semua pembaca Mercu, saluran penyampaian terkini di antara PTPTN dengan pelanggan yang dihormati.

Segala puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah rahmatNya PTPTN berjaya menerbitkan Mercu. Penghargaan turut ditujukan kepada semua pihak yang menyumbang idea, tenaga dan masa dalam merealisasikan penerbitan wadah ini.

Sebagai sebuah agensi yang menguruskan pembiayaan pendidikan serta penabungan untuk tujuan pendidikan tinggi pelbagai cabaran dan rintangan dihadapi sepanjang 15 tahun beroperasi. Sejajar dengan teknologi dan peredaran masa, maklumat PTPTN kini dapat disampaikan dengan cepat dan mudah. PTPTN kini telah mempunyai tiga saluran media baharu iaitu facebook, twitter dan youtube. Disokong dengan penerbitan Mercu, diharap akan memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan. Dengan adanya kepelbagaiannya saluran hebatnya, segala maklumat berkaitan PTPTN dapat disampaikan dengan lebih proaktif kepada masyarakat.

Sesungguhnya PTPTN memainkan peranan yang amat penting dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. PTPTN akan terus melaksanakan transformasi dengan melonjakkan prestasi bagi mencapai visi menjadi institusi peneraju dalam pengurusan pembiayaan pengajian tinggi menjelang tahun 2015.

Akhir kata, semoga inisiatif penerbitan Mercu ini disambut baik dan menjadi rujukan kepada warga PTPTN serta masyarakat bagi mengetahui informasi berkaitan PTPTN.

DANA PENDIDIKAN PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA.

Salam mesra,

AGOS CHOLAN



“ PTPTN akan terus melaksanakan transformasi dengan melonjakkan prestasi bagi mencapai visi menjadi institusi peneraju dalam pengurusan pembiayaan pengajian tinggi menjelang tahun 2015. ”

berita

SIMPANAN MEGA DAN PERDANA SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN-i)

SSPN-i merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. SSPN-i adalah berlandaskan syariah menggunakan konsep ‘Wakalah Bil Istithmar’. Simpanan melalui SSPN-i juga memberikan kadar dividen yang kompetitif berbanding institusi kewangan lain. Hal ini terbukti dengan kadar dividen pada tahun 2012 sebanyak 4.25%.

Bagi menggalakkan lebih banyak pembukaan akaun dan penambahan deposit SSPN-i, program promosi melalui cabutan hadiah diteruskan sepanjang tahun 2013 dengan penambahbaikan konsep sedia ada kepada cabutan suku tahun (tiga kali) dan tahunan (sekali) yang dikenali sebagai ‘Simpanan Mega SSPN-i’ dan ‘Simpanan Perdana SSPN-i’.

Cabutan Simpanan Mega adalah pada

bulan Mei (Promosi Januari-Februari), Julai (Promosi Mac-April) dan September (Promosi Mei-Jun). Tempoh promosi bagi setiap cabutan adalah selama 2 bulan dan selanjutnya 2 bulan diperlukan untuk tempoh pengekalan deposit sebelum

cabutan dibuat manakala promosi Simpanan Perdana adalah sembilan bulan iaitu dari 1 Januari 2013 sehingga 30 September 2013 dan tiga bulan diperlukan untuk tempoh pengekalan deposit.



YB Menteri semasa Majlis Perasmian Simpanan Mega & Perdana SSPN-i



Cabutan Hadiah	Tempoh Promosi	Tarikh Cabutan
Mega	01 Januari – 28 Februari 2013	10 Mei 2013
	01 Mac – 30 April 2013	09 Julai 2013
	01 Mei – 30 Jun 2013	09 September 2013
Perdana	01 Januari 2013 - 30 September 2013	13 Januari 2014

Sesi cabutan hadiah bagi pemenang telah dijalankan dengan menggunakan enjin undian yang dibangunkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat, PTPTN.

Sehingga kini, Simpanan Mega SSPN-i Siri 1, 2 dan 3 telah selesai dijalankan. Kemuncak promosi adalah dengan Simpanan Perdana SSPN-i pada 13 Januari 2014.

Simpanan Mega SSPN-i dan Simpanan Perdana SSPN-i terbuka kepada pendeposit yang membuka akaun atau membuat penambahan deposit SSPN-i sekurang-kurangnya RM500 dalam tempoh promosi bagi melayakkan penyertaan Simpanan Mega dan RM6,000 dalam tempoh promosi bagi melayakkan Simpanan Perdana.

Pelbagai hadiah menarik ditawarkan kepada pendeposit SSPN-i sempena promosi Simpanan Mega SSPN-i dan Perdana SSPN-i.

Senarai kedudukan dan hadiah seperti Jadual 1.

JADUAL 1

Cabutan Hadiah	Kedudukan	Hadiah
Mega	Pertama	Proton Preve CVT 6 Premium
	Kedua	Motosikal (Naza Blade 250)
	Ketiga	TV LED 60"
	Saguhati	Wang Tunai (dikreditkan ke akaun)
Perdana	Pertama	Proton Inspira 2.0
	Kedua	Perodua Myvi 1.3ez Elegance
	Ketiga	Motosikal (Kawasaki Ninja 250)
	Saguhati	Motosikal (Honda Icon)



Warga PTPTN mempromosikan Simpanan Mega & Perdana SSPN-i

DISKAUN 20% DAN 10%

Selaras dengan Pembentangan Bajet 2013 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 September 2012, peminjam PTPTN yang membuat penyelesaian hutang pinjaman / pembiayaan PTPTN sekaligus dalam tempoh 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013 layak untuk mendapat diskau 20% atas baki hutang semasa pada masa penyelesaian hutang pinjaman /

pembiayaan dilakukan.

Manakala diskau 10% pula diberikan kepada peminjam atau penerima biaya yang membuat ansuran bayaran balik mengikut Jadual Bayaran Balik yang ditetapkan selama 12 bulan berturut-turut atau 12 bulan ke hadapan mulai 1 Oktober 2012.

BAJET 2013

Diskaun **10%** Peminjam yang membuat ansuran bayaran balik selama 12 bulan berturut-turut atau 12 bulan ke hadapan mengikut Jadual Bayaran Balik mulai 1 Oktober 2012

Diskaun **20%** Peminjam yang menyelesaikan hutang sekaligus dalam tempoh 1 Oktober 2012 - 30 September 2013

Nikmati Insentif Bayaran Balik PTPTN

Maklumat Lanjut: www.ptptn.gov.my

Hotline: 03-2080 4455

QR Code

Logo PTPTN

INSENTIF

Bagi menggalakkan peminjam menerima manfaat daripada tawaran insentif ini, maka hebatan dilakukan melalui beberapa saluran media massa bagi sepanjang tempoh promosi diskau berkenaan.

Antara saluran yang digunakan untuk hebatan adalah seperti Jadual 2.

JADUAL 2

BIL	BIL	SALURAN MEDIA
1	Akhbar	Harian Metro Kosmo! Utusan Malaysia The Star
2	Televisyen	RTM Media Prima Astro TV
3	Radio	Radio Negeri Astro Radio Media Prima
4	Media Baharu	Facebook Twitter
5	Portal Rasmi PTPTN	Portal Rasmi PTPTN

Pemberian diskau 20% telah memberi impak positif kepada prestasi bayaran balik pembiayaan PTPTN. Bagi tempoh 1 Oktober hingga 30 Jun 2013 seramai 42,133 peminjam PTPTN telah menyelesaikan hutang secara sekaligus berikutan tawaran diskau 20% yang telah diumumkan semasa Bajet 2013 melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM257.03 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM205.62 juta diterima sebagai bayaran balik manakala RM51.41 juta adalah diskau pengurangan bayaran balik sebagai hadiah kepada peminjam PTPTN.

Diskaun bayaran balik pembiayaan juga layak dinikmati oleh peminjam PTPTN yang telah disenarai hitam. Daripada 42,133 peminjam yang telah membuat bayaran balik secara sekaligus, seramai 2,551 merupakan peminjam yang disenarai hitam dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM19.77 juta.

PTPTN menyeru agar peminjam / penerima

IMPAK DISKAUN 20%

BAGI TEMPOH 01/10/2012 - 30/06/2013

42,133



Bilangan peminjam yang berjaya menyelesaikan keseluruhan pinjaman

2,551

Bilangan peminjam tegar yang telah melakukan penyelesaian penuh

RM 257.03 JUTA



Jumlah pinjaman sebelum diskau yang telah diselesaikan oleh peminjam

RM 51.41 JUTA



Jumlah diskau yang diberikan kepada peminjam yang telah melangsungkan pinjaman

RM 19.77 JUTA

Jumlah pinjaman sebelum diskau yang telah diselesaikan oleh peminjam tegar

RM 3.95 JUTA

Jumlah diskau yang diberikan kepada peminjam tegar yang melangsungkan pinjaman

biaya yang masih belum melaksanakan bayaran balik pembiayaan untuk memulakan bayaran balik pembiayaan PTPTN bagi menikmati insentif diskau sama ada 20% atau 10% yang telah disediakan. PTPTN

sentiasa mengalu-alukan bayaran balik pembiayaan dan bersedia berunding sekiranya terdapat kekangan untuk melaksanakan bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan.



PTPTN memperkenalkan pelbagai kaedah untuk meningkatkan jumlah bayaran balik pembiayaan



PELANCARAN PEJABAT PTPTN NEGERI KEDAH

'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' merupakan aspirasi kerajaan di dalam mentadbir dan membangunkan Malaysia ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Hasil titik tolak ini, Pejabat PTPTN Negeri atau dengan nama lain, PPN telah diwujudkan. Pahang, Kelantan dan Pulau Pinang telah dipilih sebagai destinasi pertama untuk mendekati rakyat bagi memberi perkhidmatan yang terbaik berhubung pembiayaan PTPTN.

Pada 25 November 2012, PTPTN sekali lagi mengorak langkah dengan mewujudkan Pejabat PTPTN Negeri Kedah (PPN Kedah) di Utara Tanah Air. Lokasinya bertempat di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar, Kedah, berdekatan dengan Pekan Rabu. Seramai 47 orang pegawai memberi perkhidmatan di PPN Kedah yang diketuai oleh Puan Che Anisah Binti Aziz.

Sebagai langkah proaktif untuk mewar-warkan pembukaan Pejabat PTPTN Negeri Kedah, Majlis Perasmian Pejabat PTPTN Negeri Kedah dan Cabutan Hadiah Bayar, Simpan dan Menang! Bersama PTPTN telah diadakan pada 22 Januari 2013 di perkaranan PPN Kedah. Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus PTPTN, YB Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Pengurus PTPTN

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PEMENANG CABUTAN HADIAH BAYAR, SIMPAN DAN MENANG! BERSAMA PTPTN

Pelbagai langkah telah diambil bagi mempromosikan pejabat PTPTN Negeri Kedah. Cabutan Hadiah Bayar, Simpan dan Menang! Bersama PTPTN telah diadakan di PPN Kedah di mana hadiah utama merupakan sebuah Motosikal Honda Future selain Peti Sejuk, TV LED 40", Notebook, iPad, Telefon Samsung S3 Mini, Microwave, Mesin Basuh, Basikal dan lebih dari 25 baucer Tesco bernilai RM200 setiap satu pemenang.

Peraduan ini telah berlangsung pada 22 Januari hingga 21 Februari 2013 dan telah berjaya menarik ramai peminjam dan

pendeposit di sekitar negeri jelapang padi itu untuk membuat pembayaran pinjaman / pembiayaan PTPTN selain membuka serta membuat penambahan deposit di dalam akaun SSPN-i.

Seramai 71 orang pemenang telah memenangi dan diraikan di Majlis Penyampaian Cabutan Hadiah Bayar, Simpan dan Menang! Bersama PTPTN yang telah diadakan pada 29 April 2013 di perkaranan PPN Kedah. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YM Tuan Din Bin Tuan Mat, Pengurus Besar Kanan Pejabat PTPTN Negeri.




Pemenang pertama Shariza Mohd Esa bagi Cabutan Hadiah Bayar, Simpan dan Menang! Bersama PTPTN yang diraikan



Pemenang Cabutan Hadiah Bayar, Simpan dan Menang! Bersama PTPTN yang diraikan

SAMBUTAN POSITIF

Sambutan positif masyarakat terhadap promosi Cabutan Hadiah Bayar, Simpan dan Menang! Bersama PTPTN yang telah dilaksanakan oleh Pejabat PTPTN Negeri Kedah.



YB Menteri menyempurnakan girmik pelancaran Pejabat PTPTN Negeri Selangor



YB Menteri menandatangani plak pelancaran semasa lawatan ke Pejabat PTPTN Negeri Selangor

PELANCARAN PEJABAT PTPTN NEGERI SELANGOR, SAHABAT PTPTN, BPM1M DAN SIMPANAN MEGA & PERDANA SSPN-i

Shah Alam Convention Centre (SACC) menjadi saksi detik bersejarah di mana berlangsungnya Majlis Pelancaran Pejabat PTPTN Negeri Selangor, Sahabat PTPTN, BPM1M dan Simpanan Mega & Perdana SSPN-i yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi pada 19 Mac 2013.

Pelancaran Pejabat PTPTN Negeri Selangor adalah salah satu bukti komitmen PTPTN terhadap para pelanggan untuk memudahkan mereka

berurusan dengan PTPTN. Beroperasi sejak 18 Februari 2013 yang lalu dengan menempatkan 80 pegawai / kakitangan, ini diyakini akan memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Program SAHABAT PTPTN juga diperkenalkan bagi mewujudkan kolaborasi strategik dengan agensi kerajaan dan swasta bagi menggalakkan kakitangan melaksanakan bayaran balik pembiayaan dan penambahan deposit SSPN-i melalui potongan gaji.

Dana Bantuan Pelajar Miskin 1Malaysia (BPM1M) pula adalah inisiatif bagi membolehkan pihak swasta menyumbang kepada pembangunan modal insan melalui pembiayaan pengajian tinggi.

Syarikat yang memberi sumbangan, layak menerima potongan cukai dua kali bagi pengiraan cukai pendapatan mulai tahun taksiran 2012 sehingga 2017. Resit rasmi akan diberikan sebagai bukti sumbangan.



lensa ptptn



20
JAN
2013

PROGRAM JELAJAH JANJI DITEPATI (PJJD)
KELANTAN
Stadium Sultan Muhammad IV
Kota Bharu, Kelantan



22
JAN
2013

MAJLIS PERASMIAN PEJABAT PTPTN
NEGERI KEDAH
Alor Setar, Kedah



15
FEB
2013

PERASMIAN URBAN TRANSFORMATION
CENTRE (UTC) PERAK
UTC, Perak



01 - 03
MAC
2013

PELANCARAN MyMOBILE
Berjaya Times Square
Kuala Lumpur



08 - 09
MAC
2013

KARNIVAL JOM HEBOH TERENGGANU
Pulau Warisan
Kuala Terengganu



11
MAC
2013

PERASMIAN URBAN TRANSFORMATION
CENTRE (UTC) PAHANG
UTC, Pahang



19
MAC
2013

PELANCARAN PEJABAT PTPTN NEGERI SELANGOR,
SAHABAT PTPTN, BPM1M DAN SIMPANAN MEGA
& PERDAWAAN SSPN-i
SACC Mall, Shah Alam, Selangor



30
MAC
2013

MAJLIS PEMBERIAN DISKAUN BAYARAN BALIK
PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN ZON TIMUR
DI ANTARA PTPK DAN PTPTN
PSDC, Kuantan, Pahang



30
MAC
2013

KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA (KPTN)
2013 KELANTAN
Stadium Sultan Muhammad IV
Kota Bharu, Kelantan



13
APR
2013

KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA (KPTN)
2013 ZON 11
Persada Johor
Johor Bahru



29
APR
2013

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA
PEMENANG CABUTAN HADIAH BAYAR, SIMPAN
DAN MENANGI BERSAMA PTPTN
PPN Kedah



16
MEI
2013

LAWATAN KERJA PPUMK
Ibu Pejabat PTPTN
Kuala Lumpur



14 - 16
JUN
2013

KARNIVAL KERJAYA & KEUSAHAANAN
GRADUAN (K3G 2013)
PWTC
Kuala Lumpur



21 - 23
JUN
2013

KARNIVAL MAHABBAH IKIM FM
Stadium Melawati
Shah Alam, Selangor

komuniti

khidmat

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Program Corporate Social Responsibility (CSR) menjadi agenda utama PTPTN dalam mengambil pendekatan strategik melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial. Inisiatif ini adalah sebagai langkah segera ke arah pemuliharaan imej PTPTN melalui program bersama pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi membolehkan pelajar menghargai peranan PTPTN sebagai agensi yang prihatin.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, PTPTN sentiasa komited dalam memastikan para pelanggan mendapat

perkhidmatan yang terbaik.

Sehubungan itu, Program CSR PTPTN yang telah mula dilaksanakan secara proaktif pada tahun 2010, tidak mengabaikan tanggungjawab sosial PTPTN untuk berbakti kepada pelajar dan masyarakat.

Melalui program seperti ini, hubungan di antara pelajar dan pihak PTPTN bukan sahaja menjadi lebih erat malah peluang seperti ini dapat digunakan oleh PTPTN untuk memperkenalkan peranan dan fungsi PTPTN dengan lebih dekat lagi kepada masyarakat.




01



02



03



04



05



06



07



08

01

Program Gerak Bakti Siswa (anjuran PTPTN dan UiTM Cawangan Pahang) 19-21 April 2013 Kuala Krau, Pahang

Program kemasyarakatan bersama PTPTN, pelajar UiTM cawangan Pahang dan penduduk kampung sekitar Kuala Krau (Kg Teluk Sentang, Kg Desa Baru Purun). Program telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Pengurus PTPTN. PTPTN juga turut memberi sumbangan zakat dalam bentuk pembukaan akaun SSPN-i kepada anak yatim / golongan asnaf kepada 120 penerima kawasan setempat (RM100 setiap penerima).

02

Semai Kasih Bersama Balu Zulkifli bin Mamat 28 April 2013 Kangar, Perlis

PTPTN telah membuat keputusan menyelesaikan pinjaman pelajaran berjumlah RM 16,250 milik Allahyarham Asistant Superintendant Zulkifli Bin Mamat yang terkorban ketika tragedi penceraohan penggaras di Lahad Datu, Sabah pada awal Mac yang lalu melalui Skim Perlindungan Takaful.

03

Program Sehari Menyemai Kasih (anjuran PTPTN dan UniMAP) 28 April 2013 Gua Kelam, Perlis

Program beramah mesra bersama Orang Asli di Kg. Paya Luas dan Kg. Penderas. Program ini telah disempurnakan oleh Cik Aizam binti Abdul Aziz @ Drahaman, Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat PTPTN. PTPTN turut memberi sumbangan zakat dalam bentuk pembukaan akaun SSPN-i kepada 130 anak yatim daripada 4 buah rumah anak yatim (RM50 setiap penerima).

04

Program Kembara Cakna bersama Orang Asli (anjuran PTPTN & UKM) 02-03 Mei 2013 Kg. Paya Luas dan Kg. Penderas, Kuala Krau, Pahang

Program kemasyarakatan bersama Orang Asli di Kg. Paya Luas dan Kg. Penderas. Program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Pengurus PTPTN.

05

Program Mesra Kasih (anjuran PTPTN dan UKM) 10-12 Mei 2013 Kg Lukut, Kota Tinggi, Johor

Program kemasyarakatan yang memberi khidmat amal kepada golongan kurang berkemampuan dan pelajar sekolah di Kg. Lukut Kota Tinggi, Johor. Program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique, Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN.

06

Program Tautan Kasih, Limpahan Budi (anjuran PTPTN dan UMT) 18 Mei 2013 Kg. Lukut, Kuala Terengganu, Terengganu

Program Khidmat Komuniti Siswa UMT (ProKoSiswa) ini berkonsepkan "Tautan Kasih, Limpahan Budi" yang diadakan di sekitar Kampung Nibong, Kuala Terengganu yang melibatkan Penduduk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Nibong, Kuala Terengganu, Mahasiswa UMT dan PTPTN. Program ini telah dirasmikan oleh En. Agos Cholan, Ketua Eksekutif PTPTN.

07

Program Politeknik Kasih 'SCIENCE TRICKS' (anjuran PTPTN dan Politeknik Sultan Azlan Shah) 5 Jun 2013 - Dewan Serbaguna Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak

Program yang berkonsepkan pembelajaran sains untuk 82 orang peserta tahun 5 dan 6. Antara aktiviti adalah Paper Plane Fun Flying Contest dan Anda Ada 60 Saat. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Yaacob bin Hasrat, Timbalan Pengarah (Akademik) PSAS.

08

Program 'XploreCar UiTM 2013 (anjuran PTPTN dan UiTM Dungun) 15 Jun 2013 UiTM Dungun hingga Kuala Terengganu

Program yang berkonsepkan jelajah xplorecar iaitu daripada UiTM Dungun ke Kuala Terengganu kembali ke UiTM Dungun yang telah melibatkan 24 pasukan terdiri daripada pelajar, kakitangan UiTM Dungun dan pegawai PTPTN. Program ini telah disempurnakan oleh Rektor UiTM Dungun.

rencana

aktiviti

KESEDARAN PENABUNGAN UNTUK MASA DEPAN PENDIDIKAN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merupakan sebuah perbadanan yang diamanahkan untuk memastikan pembentukan yang efisien disediakan kepada pelajar-pelajar yang layak mengikuti pengajian di Institusi Pengajaran Tinggi. Perbadanan ini telah melangkah dengan lebih jauh iaitu bukan hanya memastikan tidak ada pelajar yang gagal memasuki IPT atas sebab kewangan malah membantu masyarakat Malaysia melaksanakan perancangan kewangan khususnya untuk anak-anak bagi tujuan pendidikan. Usaha murni ini telah dilahirkan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) yang merupakan sebuah produk simpanan berlandaskan syariah di bawah PTPTN.

Skim yang telah diperkenalkan PTPTN sejak tahun 2004 ini bukan sekadar sebuah instrumen simpanan untuk tujuan pendidikan malah ia turut menawarkan kepelbagaian keistimewaan kepada pendeposit yang melaksanakan penabungan. Kepelbagaian keistimewaan SSPN-i yang disediakan amat menyeluruh merangkumi pelbagai aspek. Kepada peminjam PTPTN mulai 1 Januari 2012, pelajar yang ingin memohon pembiayaan pendidikan PTPTN hendaklah mempunyai akaun SSPN-i. Keistimewaan kepada ibu bapa yang menyimpan dalam akaun SSPN-i untuk manfaat anak diberi pelepasan taksiran cukai sehingga maksimum RM6,000 setahun.

Di samping itu, bagi keluarga yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM2,000 sebulan layak dipertimbangkan Geran Sepadan sehingga RM10,000 apabila anak diterima dan mendaftar masuk ke IPT. Pemberian dividen SSPN-i pula adalah kompetitif sekiranya dibandingkan dengan peratus keuntungan produk simpanan lain yang ditawarkan oleh institusi kewangan tempatan. Pada tahun 2012, PTPTN telah mengumumkan dividen pada kadar 4.25% dan merupakan kadar dividen yang tertinggi pernah diberikan.

SSPN-i juga memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan kerana ia tidak seperti produk insurans pendidikan yang memerlukan simpanan dilaksanakan pada setiap bulan. Konsep simpanan adalah mudah, berdikit-dikit dan tidak diwajibkan simpanan pada setiap bulan. Ini tidak akan membebani pendeposit. Apa yang menarik, perlindungan takaful secara percuma turut disediakan di samping simpanan adalah dijamin oleh kerajaan.

PTPTN melalui SSPN-i bukan sekadar menggalakkan masyarakat menabung malah melaksanakan persediaan untuk meningkatkan pencapaian pendidikan anak-anak di masa hadapan. Bayi yang berusia satu hari pun boleh menabung melalui SSPN-i dengan simpanan minimum RM20.00. Perkhidmatan simpanan SSPN-i sentiasa diperluaskan untuk memudahkan masyarakat melaksanakan penabungan. PTPTN telah melebarkan sayap perkhidmatan dengan penubuhan Pejabat PTPTN Negeri (PPN) bertujuan mendekati masyarakat. Selain PPN, enam ejen SSPN-i yang mempunyai lebih 1,500 cawangan di seluruh Malaysia iaitu Maybank, Bank Rakyat, Bank Islam, Agro Bank, CIMB Bank dan BSN turut berperanan memudahkan masyarakat untuk menabung dalam SSPN-i.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk kita sama-sama melaksanakan perancangan penabungan mulai sekarang untuk tujuan pendidikan sama ada untuk anak-anak mahupun diri sendiri dan mulakanlah penabungan melalui SSPN-i secara istiqamah. Kesedaran penabungan perlu dipupuk di dalam diri kita dan keluarga bagi keselesaan dan kesejahteraan di kemudian hari.



KELAB & PERSATUAN PTPTN

KARNIVAL SUKAN PTPTN 2013	19 Januari 2013	Sekolah Sukan Bukit Jalil Kuala Lumpur	
PERTANDINGAN BOWLING PIALA KETUA EKSEKUTIF	16 Mac 2013	Cosmic Bowl Mid Valley	
SUKAN ANTARA BADAN BERKANUN	24 Jun 2013	Perlis	

KEDAH FM

19 Januari 2013 (Sabtu)
12.00 – 12.30 tengahari

Panel:
YM Tuan Din bin Tuan Mat



PAHANG FM

14 Mac 2013 (Khamis)
12.15 - 12.45 tengahari

Panel: Pn. Nurul Aima binti Abdullah



TERENGGANU FM

6 Mac 2013 (Rabu)
8.30 - 9.00 pagi

Panel: En. Muhammad Muhsin bin Abdul Rahman



ANALISIS AWANI
PTPTN JAMINAN MASA HADAPAN

18 April 2013 (Khamis)

Panel: YM Tuan Din bin Tuan Mat
Cik Mastura binti Mohd Khalid




ASSALAMUALAIKUM (TV AL-HIJRAH)
PTPTN JAMINAN MASA HADAPAN

18 April 2013 (Khamis)
8.30 - 9.00 pagi

Panel: Cik Mastura binti Mohd Khalid



inspirasi

CERITA KOPI DAN GULA

Tiada yang lebih gusar bagi makhluk tuhan yang bernama gula. Tahukah anda bahawa gula merupakan pemanis yang datangnya dari pokok tebu. Kisah ini terjadi apabila si gula mula membuat perbandingan tentang kehebatan dirinya dengan kopi. Masalah mula timbul apabila si gula merasakan dirinya tidak dihargai oleh manusia dan namanya sering dilupakan. Sebagai contoh walaupun si gula sudah mengorbankan jasanya untuk memanaskan kopi, tetapi manusia tidak menyebut-nyebut namanya di dalam campuran kopi itu. Kopi itu hanya di gelar 'kopi o' dan bukannya 'kopi gula'.

Hal ini juga berlaku sekiranya si gula dicampurkan di dalam penyediaan makanan seperti pembuatan kek dan kuih. Tiada yang menggelarkan mereka 'kek gula' atau 'kuih gula'. Akan tetapi sekiranya campuran kopi dimasukkan ke dalam adunan kek maka kek tersebut akan disebut dengan nama 'kek lapis kopi' atau 'kek perisa kopi'. Maka si gula merasakan dirinya hanya akan diingati jika diperlukan dan segera dilupakan jika tiada keperluan.

Berbeza pula keadaannya dengan si kopi. Peranan kopi sebagai bahan perisa makanan dan minuman amatlah dihargai dan diingati. Ini kerana dari segi konsistensi, kopi tidak hilang warna dan rasa ketika bercampur di dalam makanan dan minuman. Warnanya masih mendominasi serta gelarannya masih wujud pada setiap jenis makanan dan minuman seperti 'kopi susu', 'kek kopi' atau 'agar-agar kopi'.

Jika dihayati dari sudut realiti kehidupan, dapatlah digambarkan bahawa kadangkala ada insan di dalam dunia ini yang berusaha dan bekerja keras malah selalu berbuat baik kepada orang lain tetapi tidak dihargai dan kadangkala jasanya dilupakan seperti yang disuarakan si gula. Walaubagaimanapun, suatu hari nanti peranan si gula tetap akan dihargai kerana tanpanya kopi akan terasa pahit.

Pengajaran yang dapat dijadikan iktibar daripada cerita di atas adalah ganjaran dan penghargaan akan muncul buat mereka yang selalu ikhlas dan rajin bekerja untuk memajukan diri sendiri pada masa yang tidak diketahuinya. Oleh demikian, bagi mereka yang merasakan nasib mereka seperti si gula jangan mudah putus asa kerana suatu hari nanti pasti akan ada yang menyedari dan mengiktiraf pengorbanan anda kerana hidup ini perlu saling lengkap melengkapi seperti 'kopi dan gula'.





www.ptptn.gov.my



icare.ptptn.gov.my



03-2080 4455



Perbadanan Tabung Pendidikan
Tinggi Nasional (PTPTN)



@twitptpn



SaluranMediaPTPTN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

One Stop Center PTPTN KL Sentral
Unit 1 & 2A, 2B, Level 2
Stesen Sentral Kuala Lumpur
50470 Kuala Lumpur

One Stop Center PTPTN Putrajaya
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kuala Lumpur
Lot T3-9, Tingkat 3
UTC Pudu Sentral
Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur

Pejabat PTPTN Negeri Selangor
Tingkat Bawah, Tingkat Mezzanine dan Tingkat 8
Menara MRCB
No. 2, Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14
40712 Shah Alam
Selangor

Pejabat PTPTN Negeri Sembilan
Tingkat 3, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan
70000 Seremban, Negeri Sembilan

Pejabat PTPTN Negeri Melaka
Suite 4.2 - 4.5, Aras 4
Urban Transformation Center (UTC)
Jalan Hang Tuah
75300 Melaka

Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang
No. 53, Jalan Todak 6
Pusat Perniagaan Bandar Sunway Perdana
13700 Seberang Jaya, Butterworth
Pulau Pinang

Pejabat PTPTN Negeri Kedah
No. 1302, Jalan Tunku Ibrahim
05000 Alor Setar, Kedah

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kedah
4-11 UTC, Tingkat 4, Bangunan UTC
Kompleks MBAS
Jalan Kolam Air
05675 Alor Setar
Kedah

Pejabat PTPTN Negeri Perak
No. 11 & 13, Tingkat Bawah
Persiaran Green Town 4
31300 Green Town, Ipoh, Perak

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Perak
Lot No. LA 18
Urban Transformation Center (UTC) Perak
Off Jalan Dato' Onn Jaafar
30300 Ipoh, Perak

Pejabat PTPTN Negeri Pahang
No. 48, Malay Town
Jalan Putra Square 1, Putra Square,
25200 Kuantan, Pahang

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Pahang
No. 2-20
Pusat Transformasi Bandar (UTC Pahang)
Bangunan UTC Pahang
Jalan Stadium
25200 Kuantan, Pahang

Pejabat PTPTN Negeri Terengganu
No. 37 (B6) Blok B
Tingkat Bawah, 1 dan 2, Dataran Emas
Jalan Sultan Sulaiman
20200 Kuala Terengganu
Terengganu

Pejabat PTPTN Negeri Kelantan
Lot 1158, Tingkat Bawah
Jalan Doktor
15000 Kota Bharu
Kelantan

Pejabat PTPTN Negeri Sabah
B1-06, Tingkat 1
Warisan Square
Jalan Tun Fuad Stephens
88100 Kota Kinabalu
Sabah

Pejabat PTPTN Negeri Sarawak
Lot 519, No. 15-I, Section 6
Al-Idrus Commercial Centre
Jalan Kulas
93400 Kuching, Sarawak